

Ruj. Kami : (27)dIm.BPFK/02/5/1.2  
Tarikh : 1 Ogos 2000

Semua Pemohon/Pemegang Pendaftaran

Tuan,

**Pendaftaran Produk 'Insect Repellant'**

Perkara di atas dengan ini dirujuk.

2. Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) dalam mesyuaratnya yang ke-115 telah mengkaji semula kesesuaian dan keperluan pengawalan 'insect repellent' yang digunakan/disapu atas badan manusia dan memutuskan untuk tidak mengawal lagi produk berkenaan berkuatkuasa mulai tarikh surat ini. Sehubungan itu, Lembaga Racun Makhluk Perosak bersetuju supaya 'insect repellent' berkenaan sepatutnya dikawal sebagai 'household pesticides' menurut dasar yang sedia ada untuk 'insect repellent' yang lain yang kini dikawal di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974.

3. Dengan persetujuan tersebut, semua pemohon/pemegang pendaftaran produk 'insect repellent' perlu dengan segera menghubungi Lembaga Racun Makhluk Perosak di alamat seperti di bawah untuk tindakan selanjutnya.

Bahagian Kawalan Racun Perosak  
Jabatan Pertanian  
Kementerian Pertanian  
Jalan Gallagher  
50480 KUALA LUMPUR

4. Dengan ini dimaklumkan juga bahawa PBKD tidak akan meneruskan penilaian permohonan dalam proses pendaftaran. Pemohon berkaitan dinasihati untuk menarik balik permohonan tersebut.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"  
"UTAMAKAN KUALITI, EFIKASI DAN KESELAMATAN"

Saya yang menurut perintah

(CHE MOHD. ZIN BIN CHE AWANG)  
Setiausaha  
Pihak Berkuasa Kawalan Dadah  
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k. : Pengarah Perkhidmatan Farmasi